

Israel mesti undur, hormati resolusi PBB

Hubungan Barat, dunia Islam pulih jika konflik diatasi: PM

DAVOS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin konflik Arab dengan Israel serta penyokongnya boleh berakhir, walaupun ia dikatakan satu masalah rumit dan sukar diselesaikan.

"Konflik masih belum dapat diselesaikan kerana mereka berkuasa tidak bersedia melakukan perkara perlu bagi menguatkuasa dan melaksanakan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang relevan secara adil terhadap semua pihak," kata Perdana Menteri pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, semalam.

Dengan menyifatkan konflik itu sebagai faktor tunggal terpenting menimbulkan kemarahan umat Islam terhadap Israel dan Barat, Abdullah menegaskan Israel mesti mematuhi resolusi PBB dan berundur ke garisan sempadannya sebelum 1967.

"Sebuah negara Palestin dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya kemudian bolehlah ditubuhkan.

"Lima juta pelarian Palestin sedang menanti-nanti penyelesaiannya supaya mereka mendapat hak kembali," katanya dalam ucapan mengenai 'peraturan-peraturan untuk kejiranan global dalam sebuah dunia pelbagai budaya'.

Perdana Menteri berkata, umat Islam sensitif kepada hakikat berjuta-juta saudara Islam mereka diusir, tanah diduduki, sumber mereka diperas dan maruah diinjak-injak.


"Jika kita mengukur berapa banyak keganasan dilakukan dan jumlah nyawa terkorban di tengah-tengah konflik itu, maka kita akan mula faham kenapa kesengsaraan dan kemarahan umat Islam kini berada di kemuncaknya. Pelaksanaannya oleh mereka yang memiliki kuasa secara tidak adil memburukkan lagi keadaan," katanya.

Abdullah mengulangi bahawa punca asas konflik Arab-Israel itu bukanlah terletak kepada budaya atau agama, tetapi 'dalam politik dan menunjuk-nunjuk kuasa'.

Beliau berkata, kenyataan beliau itu bukan pandangan prejudis seorang Islam yang berat sebelah.

Segala pandangan itu, katanya, dinyatakan dengan jelas dalam Laporan PBB oleh Kumpulan Peringkat Tinggi Mengenai Ikatan Ketamadunan sebagai punca asas polarisasi yang wujud sekarang antara Barat dan dunia Islam. Laporan itu dikeluarkan pada November 2006.

Abdullah berkata, amat malang ada segelintir puak ekstremis di kala-



PENUH SEMANGAT: Abdullah ketika berucap pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, semalam.

ngan umat Islam memilih membalas ketidakadilan dan perbuatan dipermalukan itu dengan tindakan keganasan tidak berperikemanusiaan.

Tindakan itu, katanya, hendaklah dikutuk kerana ia menyalahi prinsip asas agama Islam.

Abdullah berkata, keganasan tidak dapat dibasmi dengan tindakan ketenteraan semata-mata dan suasana yang menyebabkan meningkatnya keganasan itulah yang perlu diatasi.

Perdana Menteri kemudian mengalihkan perhatiannya kepada Iraq, berkata ia sebuah lagi tempat dan isu yang boleh dijadikan contoh wujudnya polarisasi antara Barat, secara umumnya dan dunia Islam.

"Tidak akan ada jalan penyelesaiannya selagi pencerobohan tentera asing tidak ditamatkan. Tidak syak

“Penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin dan krisis di Iraq akan banyak membantu merapatkan semula kerenggangan antara Barat dan dunia Islam”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

lagi, pemberontakan bersenjata dan keganasan antara puak tercetus akibat daripada pencerobohan itu juga hendaklah ditamatkan.

"Semua ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kerjasama jiran Iraq yang beragama Islam. Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga boleh memainkan peranan," kata Abdullah yang juga Pengerusi OIC.

Beliau berkata, penyelesaian kepada konflik Israel-Palestin dan krisis di Iraq akan banyak membantu merapatkan semula kerenggangan antara Barat dan dunia Islam.

Perlu juga ada kepatuhan teliti kepada undang-undang antarabangsa yang dapat membantu menstabilkan kawasan itu, selain bahagian lain dalam dunia Islam, katanya.

Abdullah turut mengingatkan bahawa Afghanistan dan Lubnan juga tidak harus dilupakan.

"Tidak wujud keamanan sebenar di dunia Islam selagi mereka (masyarakat antarabangsa) tidak memasukkan penyelesaian kepada situasi di Afghanistan dan Lubnan ke dalam penyelesaian berpanjangan itu."

Abdullah juga berkata, banyak lagi perlu dilakukan kerana sekadar menyelesaikan konflik Israel-Palestin dan mengembalikan keadaan di Iraq kepada sediakala belum tentu dapat menjamin keamanan dan keadilan di dunia.

"Ketaksamaan asas tertentu yang lain juga perlu dinyahkan," katanya yang memulakan ucapan dengan menyatakan umat manusia, yang jum-

lahnya kini enam bilion, mendiami planet ini selama berjuta-juta tahun.

"Kita tinggal dalam kawasan sejiran mempunyai pelbagai budaya. Namun, tiada langsung kemesraan seperti jiran tetangga dalam hubungan kita.

"Sekali-sekala, kita tolong-menolong antara satu sama lain, misalnya, ketika dilanda bencana. Tetapi pada kebanyakan masa, kita tidak ambil peduli antara sesama kita. Malah, banyak bahagian dari kawasan sejiran dunia yang penuh dengan kematian dan kemusnahan," katanya.

"Undang-undang antarabangsa sememangnya wujud untuk menyediakan peraturan bagi mengekalkan keamanan. Tetapi sesetengah negeri dan kumpulan manusia melanggarnya. Mereka langsung tidak menghormati hak orang lain yang sah.

"Mereka bersalah kerana melakukan keganasan, pencerobohan dan penaklukan. Mereka tidak keberatan menggunakan kekerasan. Orang awam yang tidak berdosa boleh terbunuh atau mengalami kecacatan."

Katanya, semua agama dan kebudayaan 'menyuruh kita berbaik-baik dengan orang lain, berkongsi kegembiraan dan sama-sama menanggung penderitaan mereka.'

"Tradisi falsafah kita amat menyedari akan kesamaan nilai kemanusiaan kita. Dimensi agama yang inilah yang patut kita berikan penekanan di kawasan kejiranan kita yang semakin global," katanya. - Bernama